

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	06/01/2018

BH-6/1/2018 Pg. 9

NGO Johor sifatkan kenyataan Dr M biadab

Johor Bahru: Majlis Penyelaras Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu Johor (GABUNG) menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai biadab apabila mengaitkan pemecatan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Salleh Abas dengan Yang di-Pertuan Agong yang juga Sultan Johor ketika itu, Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail.

Naib Presiden GABUNG, Abdullah Mohd Yusof, berkata kenyataan Dr Mahathir itu juga disifatkan

tidak adil dan tidak sepatutnya keluar daripada mulut bekas Perdana Menteri kerana Almarhum Sultan Iskandar sudah meninggal dunia dan tidak dapat mempertahankan diri.

"GABUNG kesal dengan kenyataan Dr Mahathir mengaitkan pemecatan Salleh dengan Yang di-Pertuan Agong ketika itu (Almarhum Sultan Iskandar).

"Dr Mahathir menyalahkan Yang di-Pertuan Agong dalam isu pemecatan Salleh, kenapa sekarang

baru isu ini ditimbulkan selepas berpuluh tahun dan Almarhum tidak boleh mempertahankan diri sebab sudah meninggalkan kita.

Himpun 850 NGO di seluruh Johor

"Ini satu perkara yang tidak betul dan tidak adil. Kenyataan Dr Mahathir sangat biadab dan melampau. GABUNG yang menghimpunkan 850 NGO di semua daerah di Johor tidak akan berdiam diri," katanya di sini, semalam.

Dr Mahathir sebelum ini mendakwa namanya digunakan bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman bagi arahan pemecatan Salleh dalam krisis kehakiman pada 1988 dan mendakwa pemecatan itu atas arahan Yang di-Pertuan Agong ketika itu.

Abdullah berkata, GABUNG yang mempunyai keahlian kira-kira 200,000 orang sudah beberapa kali membuat kenyataan dan sidang media terhadap Dr Mahathir yang pernah memfitnah Sultan

Johor termasuk isu Bugis digelar sebagai lanun.

Susulan itu, katanya, GABUNG akan membuat laporan polis terhadap Dr Mahathir berhubung perkara itu, selain menghantar memorandum kepada ahli politik berkenaan dalam masa terdekat.

"Tindakan tegas kita bukan saja terhadap Dr Mahathir tetapi kepada mana-mana pihak supaya tidak membuat kenyataan sewenang-wenangnya membabitkan Kesultanan Johor," katanya.